

# **TAH WAH GROUP OF COMPANIES' PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE**

## **Introduction**

Malaysia Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as "PDPA") has come into effect on/since 15<sup>th</sup> November 2013 with the objective of regulating the processing of personal data in commercial transactions.

To comply with PDPA, Tah Wah Group and/or any of its subsidiaries or associate companies (hereinafter collectively referred to as "we", "us", "our" and "ourselves") in this Personal Data Protection Notice (hereinafter referred to as "the notice" or "this notice") is committed in protecting our purchasers, prospective purchasers, employees and potential employees' (hereinafter collectively referred to as "you" or "your") personal data and information.

This Personal Data Protection Notice is issued in Bahasa Malaysia and English language respectively. In the event of any inconsistency between Bahasa Malaysia version and English version, the latter shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Kindly study this notice and understand your rights on your personal data well.

## **Collection, Definition and Type of Personal Data**

During the course of your transaction/dealing with us, you may be requested to provide your personal data from time to time. We and third party may share your personal data with each other and use it consistent with the policy in this notice.

Your personal data is any information that relates directly or indirectly to you, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in our possession, including your sensitive personal data.

Such personal data may be subject to applicable data protection, privacy and other similar laws and may include but not limited to information concerning your name, national registration identity card number, passport number, nationality, postal address, email address, contact information, education background, employment history, EPF number, income tax identification number, preferred end financier(s) and type of loans applied for in relation to the purchase of property, bank account information, photograph and information of third parties such as your emergency contact person, authorised representative, tenant, contractor, lawyer and bank officer as well as your sensitive personal data (if any).

The abovementioned personal data is not exhaustive and may include other personal data depending on the nature of transaction/dealing.

## **Source of Personal Data**

The personal data processed by us is sourced from wholly legitimate and transparent means such as:-

- Any inquiries/applications/forms that you have submitted to us via the following channels:-
  - walk in to any of our offices/handover to us personally;
  - on our website or any websites contracted by us; and/or
  - phone call, multimedia message, text message, post and/or email;
- Any agreements and/or contracts that you have entered with us;
- Your business card that was given to us and/or our business associates;
- Any referrals from a person which have included their verifiable personal contact details;
- Any letters and/or forms from any financial institutions in relation to your mortgage loan application;
- Any documents (including but not limited to statutory forms and returns) that were submitted to us for processing purposes;
- Your images/CCTV footage recorded in our Closed-circuit Television (CCTV) and/or other surveillance systems and/or
- Your access, preferences and session information on our website or commonly known as cookies may be used to improve our knowledge of the use of our website. Cookies in and of themselves do not personally identify you, only your computer.

## **Purposes of Processing Your Personal Data**

The processing of personal data starts when you are first asked to provide your personal data. What we do with your personal data is for the following purposes:-

- To establish your identity and background;
- To conduct research for market analysis and statistical analysis;
- To administer and communicate with you in relation to our business, products, services, vacancies and/or events;
- To resolve any issues and disputes which may arise in connection with any dealings with us;
- To conduct credit reference checks and establish your credit worthiness, where necessary;
- To process your inquiry/application/request in relation to our business, products, services, vacancies and/or events;
- To send you printed/electronic publications, festive greetings in the form of cards, hampers or gifts;
- To prepare and issue the relevant agreements, contracts, legal documentation or forms or any other applicable documents in relation to the dealing with us ;
- To comply with applicable laws, proceedings or inquiries from regulatory authorities, and enforcement agencies;
- For insurance purposes;
- For administrative purposes in relation to the dealing with us;

- For post vacant possession and vacant possession purposes, such as keys handover, property management, after sales service and defects rectification works;
- For our internal record purposes and customer relationship management;
- For any subsequent commercial transactions in relation to our projects, products and/or services;
- For internal investigations, compliance, audit or security purposes including without limitation for crime detection, prevention and prosecution; and/or
- For any other purposes that are required/permitted by laws, regulations, and guidelines including the requirements of any governmental, non-governmental or regulatory authorities.

### **Rights to Request Access, Correction and Limit the Processing of Your Personal Data**

You have the rights to request access to and to request correction of your personal data held by us as well as make inquiries or lodge complaints in respect of your personal data.

Meanwhile, you have the rights to limit in part or wholly the processing of your personal data, including personal data relating to other persons who may be identified from that personal data UNLESS your full/particular personal data is necessary for us to process for the purposes stated in **Purposes of Processing Your Personal Data** of this notice. The processing in relation to personal data, means collecting, recording, holding or storing the personal data or carrying out any operation or set of operations on the personal data.

Please contact us if you wish to access, make correction of your personal data and limit the processing of your personal data in writing at the following address:-

Company : Tah Wah Group  
 Department : Sales and Marketing Department  
 Address : No. 6779, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.  
 Email Address: enquiry@tahwah.com  
 Telephone No.: 04-323 8688 / 04-331 4388  
 Fax No. : 04-323 3488

We shall reserve the rights to decline such request to correct your personal data held by us and limit the processing of your personal data in the event that such requests are unreasonable, repetitive, impractical, illegal, unjust, require disproportionate technical effort, may affect the privacy of others or for which access is not otherwise required by PDPA and the law of Malaysia.

### **Disclosure of Personal Data**

Generally, your personal data provided to us is processed within ourselves and shall be kept as confidential by us. We will ensure that access to your personal data is restricted to staff who is/are required to process your personal data in accordance with their respective job requirement and only necessary information is released to the relevant staff.

However, it may be necessary for us to disclose your personal data to the following class of third parties:-

- Any court of law or any relevant parties in connection with any claims or legal proceedings;
- Any person/parties to whom we are under a legal requirement to disclose the personal data to by applicable law or in response to an authoritative body;
- Our related companies, subsidiaries and associate companies, including joint venture and those established in the future;
- Our contractors and service providers, including but not limited to accounting firms, audit firms, banks and financial institutions, consultants, insurance companies, legal firms, financial and other professional advisers;
- Property management company in respect of the property that you have purchased; and/or
- Joint Management Body or Management Corporation in respect of the property that you have purchased.

In the event you have provided personal data of third parties (e.g. your emergency contact person, tenant, authorised representative, contractor, lawyer, bank officer) to us, we rely on you to have sufficiently obtained the prior consent of such third parties to allow us to process their personal data in relation to the rightful purposes.

### **Consequences of Refusal/Failure to Provide Personal Data**

The Personal Data provided to us are wholly voluntary in nature and you are not under any obligation or under any duress to do so. However, in some circumstances, certain personal data is required in order to proceed with the desired transaction/dealing beforehand.

Your refusal or failure to provide your personal data may result in the inability for us to execute the full or particular of stated **Purposes of Processing Your Personal Data** in this notice following which we shall not be held liable for any of the consequences arising therefrom.

### **Changes to this Notice**

We may, from time to time, need or be required to change/modify our Personal Data Protection Notice to comply with or be consistent with changes in applicable law and regulations.

*Words importing the masculine gender shall be deemed and taken to include the feminine and neuter genders and the singular to include the plural and vice versa.*

## **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI TERPERINCI UNTUK TAH WAH GROUP OF COMPANIES**

### **Pengenalan**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia (kemudian daripada ini disebut “APDP”) mula berkuatkuasa pada/sejak 15hb November 2013 untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial.

Untuk mematuhi APDP, Tah Wah Group dan/atau mana-mana anak-anak syarikatnya atau syarikat-syarikat bersekutu (kemudian daripada ini disebut “kami”) dalam Notis Perlindungan Data Peribadi ini (kemudian daripada ini disebut “notis ini”) komited untuk melindungi data peribadi pembeli, bakal pembeli, pekerja dan bakal pekerja (kemudian daripada ini disebut “anda”).

Notis ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sebarang ketidakselarasan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, notis dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Sila mengkaji notis ini secara teliti dan memahami hak anda ke atas data peribadi anda.

### **Pengumpulan, Definisi dan Jenis Data Peribadi**

Sewaktu berurusan dengan kami, anda mungkin diminta untuk membekalkan data peribadi anda dari semasa ke semasa. Kami dan pihak ketiga mungkin berkongsi data peribadi anda antara satu sama lain untuk tujuan-tujuan yang selaras dengan polisi dalam notis ini.

Data peribadi anda ialah apa-apa maklumat yang berhubungan secara langsung atau secara tidak langsung dengan anda, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan kami, termasuk data peribadi sensitif anda.

Data peribadi tertakluk kepada perintah perlindungan data, privasi dan undang-undang lain yang berkaitan atau serupa yang merangkumi nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, kewarganegaraan, alamat pos, alamat e-mel, maklumat perhubungan, latar belakang pendidikan dan pekerjaan, nombor KWSP, nombor cukai pendapatan, institusi kewangan pilihan serta jenis pinjaman berhubung dengan pembelian hartanah, maklumat bank akaun, gambar anda dan juga maklumat pihak ketiga seperti orang yang dihubungi semasa kecemasan, wakil yang diberi kuasa, penyewa, kontraktor, peguam, pegawai bank dan juga data peribadi sensitif anda.

Data peribadi dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh dan mungkin termasuk data peribadi lain bergantung kepada jenis transaksi/urusan.

## Sumber Data Peribadi

Data peribadi yang diproses oleh kami adalah diperolehi secara sah daripada sumber seperti berikut:-

- Sebarang pertanyaan/permohonan/borang yang telah anda kemukakan kepada kami mengikut saluran berikut:-
  - lawatan ke mana-mana pejabat kami/serahan tangan;
  - laman web kami atau sebarang laman web yang diberi kuasa oleh kami; dan/atau
  - panggilan telefon, mesej multimedia, mesej teks, pos dan/atau e-mel;
- Sebarang perjanjian dan/atau kontrak yang dibuat antara anda dengan kami;
- Kad nama anda yang dibekalkan kepada kami dan/atau rakan perniagaan kami;
- Sebarang rujukan daripada seseorang termasuk butiran peribadinya yang boleh dikenal pasti;
- Sebarang surat dan/atau borang daripada mana-mana institusi kewangan berhubung dengan permohonan pinjaman perumahan anda ;
- Sebarang dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada bentuk berkanun dan pulangan) yang telah dihantar kepada kami untuk pemprosesan;
- Imej/rakaman CCTV anda direkod dalam Televisyen Litar Tertutup (CCTV) kami dan/atau sistem pengawasan yang lain; dan/atau
- Akses, keutamaan/pilihan dan maklumat sesi lawatan anda di laman web kami atau lebih dikenali sebagai *cookies* mungkin diguna pakai untuk meningkatkan pengetahuan kami tentang penggunaan anda di laman web kami. *Cookies* tidak mengenal pasti identiti anda, hanya komputer anda.

## Tujuan Pemprosesan Data Peribadi Anda

Pemprosesan data peribadi mula apabila anda diminta untuk membekalkan data peribadi anda. Data peribadi anda yang diproses oleh kami adalah untuk tujuan-tujuan berikut:-

- Untuk mengenal pasti identiti dan latar belakang anda;
- Untuk menjalankan penyelidikan seperti analisis pasaran dan analisis statistik;
- Untuk mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berhubung dengan perniagaan, produk, perkhidmatan, peluang pekerjaan dan/atau acara kami;
- Untuk menyelesaikan apa-apa isu dan pertikaian yang mungkin timbul berhubung dengan apa-apa urusan dengan kami ;
- Untuk semakan/penilaian kredit dan mengenal pasti kebolehpercayaan kredit anda, yang dianggap perlu oleh kami;
- Untuk memproses pertanyaan/permohonan/permintaan anda berhubung dengan perniagaan, produk, perkhidmatan, peluang pekerjaan dan/atau acara kami;
- Untuk menghantar penerbitan dalam bentuk salinan cetak/elektronik, ucapan perayaan dalam bentuk kad atau hadiah.
- Untuk menyediakan dan mengeluarkan perjanjian, kontrak, dokumentasi undang-undang atau borang atau sebarang dokumen berhubung dengan urusan dengan kami;
- Untuk mematuhi/memenuhi sebarang peruntukan undang-undang, prosiding atau permintaan daripada pihak berkuasa dan agensi penguatkuasaan;
- Untuk tujuan insurans;

- Untuk tujuan pentadbiran berhubung dengan urusan dengan kami;
- Untuk tujuan milikan kosong dan penyerahan milikan kosong, seperti penyerahan kunci, pengurusan hartanah, perkhidmatan selepas jualan dan kerja-kerja pembaikan kerosakan;
- Untuk tujuan rekod dalaman kami dan pengurusan perhubungan pelanggan;
- Untuk sebarang transaksi komersial seterusnya berhubung dengan perniagaan, produk dan/atau perkhidmatan kami;
- Untuk tujuan siasatan dalaman, pematuhan, audit atau keselamatan termasuk kepada pengesanan dan pencegahan jenayah dan pendakwaan; dan/atau
- Untuk tujuan-tujuan lain yang diminta/dibenarkan oleh undang-undang, peraturan-peraturan dan panduan termasuk permintaan mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau bukan kerajaan.

### **Hak Meminta Akses, Pembetulan dan Pengehadan Pemprosesan Data Peribadi Anda**

Anda berhak untuk meminta akses dan membuat pembetulan terhadap data peribadi anda dalam milikan kami dan juga membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda.

Sementara itu, anda berhak untuk menghadkan sebahagian atau sepenuhnya pemprosesan data peribadi anda, termasuk data peribadi individu lain yang boleh dikenal pasti identitinya daripada data peribadi tersebut KECUALI sebahagian/semua data peribadi anda adalah wajib diproses oleh kami bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam **Tujuan Pemprosesan Data Peribadi Anda** dalam notis ini. Pemprosesan berhubung dengan data peribadi, ertinya mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu.

Sekiranya anda ingin mengakses, membuat pembetulan dan menghadkan pemprosesan ke atas data peribadi anda, sila hubungi kami secara bertulis di alamat berikut:-

Nama Syarikat: Tah Wah Group

Bahagian : Sales & Marketing Department

Alamat : No. 6779, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth, Pulau Pinang.

Alamat E-mel : enquiry@tahwah.com

No. Telefon : 04-323 8688 / 04-331 4388

No. Faks : 04-323 3488

Sila ambil maklum bahawa kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk membuat pembetulan dan pengehadan pemprosesan terhadap data peribadi anda dalam milikan kami sekiranya permintaan tersebut adalah tidak munasabah, berulang-ulang, tidak praktik, tidak sah, tidak adil, mungkin menpengaruhi privasi individu lain atau tindakan tersebut adalah tidak diminta/dibenarkan oleh APDP dan undang-undang Malaysia.

## **Pendedahan Data Peribadi**

Secara umumnya, data peribadi anda yang dibekalkan kepada kami cuma diproses oleh kami sendiri dan seharusnya disimpan secara rahsia. Kami akan memastikan akses terhadap data peribadi anda hanya terhad kepada pekerja yang berkenaan mengikut keperluan kerja masing-masing dan cuma data peribadi yang berkaitan sahaja akan diberi kepada mereka.

Bagaimanapun, kami mungkin menzahirkan data peribadi anda kepada golongan pihak ketiga berikut:-

- Mana-mana mahkamah atau mana-mana pihak berkenaan berhubung dengan mana-mana tuntutan atau tindakan undang-undang;
- Mana-mana pihak yang kami berada di bawah keperluan perundangan untuk mendedahkan data peribadi kepadanya di bawah undang-undang terpakai atau sebagai jawapan kepada badan berkuasa;
- Anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu kami, termasuk *joint venture* dan bakal syarikat yang akan ditubuh pada masa hadapan;
- Kontraktor dan pembekal perkhidmatan kami, termasuk firma perakaunan, firma audit, institusi kewangan, perunding, syarikat insurans, firma guaman, penasihat kewangan dan penasihat profesional kami;
- Syarikat pengurusan hartanah berhubung dengan hartanah yang telah anda beli; dan/atau
- Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan berhubung dengan hartanah yang telah anda beli.

Sekiranya anda telah membekalkan data peribadi pihak ketiga (contohnya orang yang dihubungi sewaktu kecemasan, penyewa, wakil yang diberi kuasa, kontraktor, peguam, pegawai bank) kepada kami, kami harap anda telah memperolehi kebenaran sepenuhnya daripada pihak ketiga berkenaan terlebih dahulu untuk membenarkan kami memproses data peribadi mereka bagi tujuan yang sah.

## **Kesan Keengganan/Kegagalan untuk Membekalkan Data Peribadi**

Data Peribadi yang anda bekalkan adalah secara sukarela dan bukan di bawah paksaan. Akan tetapi, dalam keadaan-keadaan tertentu, sesetengah data peribadi dan informasi tertentu diperlukan terlebih dulu supaya kami dapat meneruskan transaksi/urusan.

Keengganan atau kegagalan anda untuk membekalkan data peribadi mungkin menyebabkan ketidakupayaan kami untuk menjalankan semua atau sebahagian daripada **Tujuan Pemrosesan Data Peribadi Anda** yang dinaytakan dalam dalam notis ini yang mana kami tidak akan bertanggungjawab atas sebarang akibat yang timbul daripadanya.

## **Pindaan kepada Notis Ini**

Kami mungkin dari semasa ke semasa, perlu atau diminta untuk meminda notis perlindungan data peribadi kami mengikut perubahan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan.